

14/02/2002

Tahun Kuda tarik pelancong keturunan Cina ke Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan akan memanfaatkan tahun kuda ini bagi menggamit pelancong asing berketurunan Cina, khususnya dari Taiwan, Korea dan Singapura selain China.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata Malaysia sudah sememangnya terkenal sebagai negara pelbagai budaya dan tradisi di kalangan pelancong asing.

"Sehubungan itu, kementerian akan memanfaatkan tahun kuda ini mengikut kalendar Cina sebagai faktor pendorong menarik minat pelancong menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan.

"Dalam bahasa Cina, Malaysia di sebut 'Ma lai se ya' dan 'ma' bermakna kuda. Secara umumnya, masyarakat Cina menganggap diri mereka bertuah jika dapat melawat Malaysia tahun ini.

"Memandangkan nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga bermula dengan 'Ma', kementerian akan menggunakan slogan 'Come To Meet The Man From The Land Of Horses To Get Good Luck' dalam kempen kali ini," katanya ketika dihubungi hari ini.

Berdasarkan perangkaan kementerian berkenaan, dianggarkan kira-kira 700,000 pelancong dari China, Korea, Taiwan dan Singapura akan melawat Malaysia tahun ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Ng turut mengunjungi Datuk Bandar Shenzhen, China yang kini melawat ibu negara bagi mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan.

Antara lain, Dr Ng memaklumkan bahawa mereka akan membincangkan mengenai kerjasama dua hala dalam sektor pelancongan, termasuk pengenalan pakej percutian mengikut cita rasa pelancong berkenaan.

Katanya, budaya masyarakat tempatan yang pelbagai, masing-masing dengan keistimewaannya tersendiri, menarik minat kebanyakan pelancong asing kerana mereka dapat menyaksikan sambutan perayaan berlainan dalam satu negara.

Jelas beliau, peningkatan kemajuan ekonomi di China membuatkan lebih ramai rakyatnya melancong ke luar negara dan Malaysia seharusnya merebut peluang menggalakkan mereka ke sini.

(END)